

Malaysia mampu jadi pusat ilmu

UM 30 APR 1993

PETALING JAYA 29 April — Malaysia mampu menjadi pusat pendidikan tinggi bagi rantau Asia Tenggara kerana negara berkeupayaan menyediakan tenaga kepakaran dan kemudahan pelajaran peringkat tinggi, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu, Malaysia juga boleh menawarkan tempat pelajaran yang jauh lebih murah memandangkan kos sara hidup di negara ini lebih rendah berbanding negara-negara lain.

Bagi mencapai matlamat ini, beliau mahu institusi-institusi pendidikan swasta di Malaysia berusaha menarik penuntut bukan saja daripada dalam negara bahkan juga dari luar negara.

"Sebenarnya, kita mampu daripada segi kepakaran untuk menyediakan segala kemudahan pelajaran peringkat tinggi bagi rantau Asia Tenggara," katanya ketika berucap di majlis perasmian Kolej Sunway dan Taman Air Lagoon Sunway di sini hari ini.

Beliau berkata, kerajaan turut mengalu-alukan penubuhan lebih banyak institusi pendidikan swasta di negara ini kerana ia dapat menawarkan gaji yang lebih tinggi kepada tenaga pengajar dan kakitangannya.

"Kerajaan memang mahu menaikkan gaji kakitangannya yang penting supaya selaras dengan pasaran, bagaimanapun khuatir jika gaji satu pihak dinaikkan, pihak-pihak lain juga akan membuat tuntutan atas dasar semuanya menjalankan tugas tidak kurang pentingnya," kata Dr. Mahathir.

Dalam soal ini, kata-

nya, kerajaan tidak mampu untuk menaikkan gaji bagi semua kakitangannya melainkan apabila kedudukan kewangannya menjadi bertambah baik.

Menurut Perdana Menteri, menaikkan gaji satu pihak tanpa menaikkan gaji pihak yang lain hanya akan mengakibatkan kepincangan dan masalah kepada negara.

Dr. Mahathir memberitahu, negara mengalami pengaliran wang keluar yang besar setiap tahun ekoran penghantaran pelajar-pelajar tempatan ke luar negara sama ada secara individu mahupun atas tajaan kerajaan.

Bagaimanapun, jelasnya, keadaan ini sedikit sebanyak dapat dibendung melalui program pendidikan universiti berkembar antara pusat pengajian tinggi tempatan dengan asing.

"Program 'berkembar' oleh institut milik kerajaan berjaya mengurangkan masa penuntut tajaan kerajaan berada di luar negara bagaimanapun pengaliran wang yang banyak ke luar negara masih berlaku khususnya melibatkan penuntut persendirian," katanya.

Beliau mahu perubahan strategi dibuat terhadap para penuntut persendirian di negara ini agar pengaliran wang ke luar dapat dijimatkan lagi terutamanya melalui program pengajian berkembar yang dibuat oleh pihak pendidikan tinggi swasta tempatan.

Dalam konteks pembangunan negara, Dr. Mahathir mahu institusi-institusi pendidikan tempatan lebih inovatif meneroka cara-cara baru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.